



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS KESILAPAN DAN KESANTUNAN SURAT KIRIMAN RASMI TULISAN PELAJAR TINGKATAN 4

MOHD RODZI BIN SELAMAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

31.3.2005


.....
MOHD RODZI BIN SELAMAT
2003-01015



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua saya dapat menyiapkan kertas kajian mengenai “Analisis Kesilapan dan Kesantunan Bahasa Surat Kiriman Rasmi Tulisan Pelajar Tingkatan Empat” sebagai sebahagian daripada syarat bergraduasi.

Pada kesempatan yang terbatas ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Sulaiman Masri, selaku pensyarah penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, semangat dan teguran yang membina. Segala jasa dan budi luhur beliau tetap saya kenang dan menjadi panduan pada hari muka. Semoga beliau sentiasa terpelihara dalam keredhaan Ilahi.

Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak terutamanya Tuan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa, Hulu Selangor kerana telah membenarkan saya membuat penyelidikan. Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan seperjuangan. Terima kasih yang tidak terhingga kerana sumbangan dan dorongan yang diberikan. Segala sumbangan dan jasa baik yang telah diberikan, hanya Allah s.w.t jua yang membalasnya.

Saya berharap kajian ringkas ini dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya guru bahasa Melayu. Sesungguhnya dapatan kajian ini sangat berguna untuk meningkatkan mutu dan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Semoga usaha seperti ini berterusan.

Akhir sekali, semoga usaha memartabatkan bahasa dan mendidik anak bangsa mendapat restu dan petunjuk daripada yang Maha Esa. Wassalam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kesilapan dan kesantunan bahasa surat kiriman rasmi tulisan pelajar. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa, Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan. Sebanyak 30 responden Melayu yang terdiri daripada 15 pelajar lelaki dan 15 pelajar perempuan dipilih secara rawak. Alat kajian berupa surat kiriman rasmi tulisan pelajar dan pemerhatian. Aspek yang dikaji meliputi dua komponen utama iaitu kesilapan dan kesantunan bahasa dalam surat kiriman pelajar jenis surat aduan. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan. Hasil kajian menunjukkan kecenderungan kesilapan yang tinggi dilakukan oleh pelajar dalam aspek mekanis iaitu 58.7% berbanding kesilapan kosa kata iaitu 2.6% dalam surat kiriman yang ditulis. Aspek mekanis dalam kajian ini meliputi ejaan, huruf besar, tanda baca, singkatan dan akronim. Pelajar dikenal pasti kerap melakukan kesilapan ejaan dalam tulisannya. Kajian turut membuktikan pelajar lelaki lebih kerap melakukan kesilapan bahasa dibandingkan dengan pelajar perempuan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki melakukan kekerapan kesilapan sehingga 51.3% berbanding pelajar perempuan iaitu 48.7%. Dalam aspek kesantunan, kajian menunjukkan pelajar menggunakan kata panggilan dan kata sapaan yang tidak santun. Pelajar dikesan menggunakan laras bahasa bahasan kesan pengaruh dialek mereka. Kajian ini terdiri daripada lima bab iaitu, Bab 1: Pendahuluan, Bab 2: Tinjauan Literatur, Bab 3: Metodologi Kajian, Bab 4: Dapatan Kajian dan Perbincangan dan Bab 5: Kesimpulan dan cadangan. Diharapkan kajian dimanfaatkan oleh guru, pelajar, ibu bapa dan pemikir kurikulum supaya mewujudkan suasana dan persekitaran yang mampu menangani masalah kesilapan dan ketidaksantunan bahasa dalam pelbagai jenis penulisan.





ABSTRACT

The aim of this research is to study language error and politeness in students' official letter. The respondents of this research were form four students of Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa, Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan. 30 Malay respondents comprising 15 male and 15 female students were picked at random. The instruments were students' official letter and observation. The aspects studied were the two main components i.e. language error and politeness in students' complaint letter. The data was analysed descriptively using percentage. The result shows that students tend to make error in mechanics 58.7% rather than vocabulary 2.6% in the letter they wrote. The biggest error is in mechanic aspect including spelling, capitalizing, punctuation, abbreviation and acronym. Students were identified tend to make spelling error in their writing. The research also proved that male students did more errors compared to female students. The findings showed that male students made more errors 51.3% compared to female students 48.7%. In the aspect of politeness, the study shows students use improper acknowledgment and salutation. Students were detected used local register due to dialectic influence of their mother tongue. This research consists five chapters – Chapter 1 : Introduction, Chapter 2 : Literature Review, Chapter 3 : Research Methodology, Chapter 4 : Findings and Discussion, and Chapter 5 : Conclusion and Discussion. Hopefully this research will benefit the teachers, students, parents and curriculum designer to create situation and environment that could overcome language error and impoliteness in various writing.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan	5
1.2.1	Latar Belakang Kajian	7
1.2.2	Kesantunan Bahasa	9
1.2.3	Kesilapan Bahasa	10
1.2.4	Pernyataan Masalah	11
1.3	Tujuan Kajian	12
1.4	Kepentingan Kajian	13
1.5	Bidang Kajian	14
1.6	Bahan Kajian	14



1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Hipotesis Kajian	15
1.9	Pengertian Konsep	16
1.9.1	Kesilapan	16
1.9.2	Kesantunan	16
1.9.3	Bahasa	16
1.9.4	Format	17
1.9.5	Surat Kiriman Rasmi	17
1.9.6	Tulisan	17
1.9.7	Pelajar Tingkatan Empat	17
1.10	Rumusan	18

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Kajian Lepas Kesilapan Bahasa	19
2.2.1	Kesilapan Bahasa Dalam Surat Kiriman	23
2.2.2	Kesilapan Bahasa Menurut Corder	25
2.3	Kajian Lepas Kesantunan Bahasa	26
2.3.1	Kata Sapaan	27
2.3.2	Sistem Panggilan	32
2.3.3	Kesantunan Bahasa Dalam Surat Kiriman	34
2.4	Konsep Kesilapan dan Kesantunan Bahasa	36
2.5	Kerangka Konsep Kajian Ini	37
2.6	Rumusan	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41
3.2	Lokasi Kajian	41
3.3	Reka Bentuk Kajian	42
3.4	Alatan Kajian	42
3.5	Sampel Kajian	42
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	43
3.7	Tatacara Penganalisan Data	44
3.8	Pernyataan Analisis Komponen Bahasa	45
3.8.1	Mekanis	46
3.8.2	Morfologi	48
3.8.3	Imbuhan	49
3.8.4	Ayat	50
3.8.5	Kosa Kata	50
3.8.6	Kata Sapaan	51
3.9	Kesimpulan	52

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Dapatan Kajian	55
4.2.1	Kesilapan Bahasa Secara Keseluruhan	55
4.2.2	Kesilapan Mekanis	56
4.2.3	Kesilapan Frasa dan Ayat	57
4.2.4	Kesilapan Imbuhan	58
4.2.5	Kesilapan Morfologi	58



4.2.6	Sistem Panggilan / Sapaan	59
4.2.7	Kesilapan Kosa Kata	60
4.3	Penerimaan dan Penolakan Hipotesis	61
4.3.1	Hipotesis Pertama	61
4.3.2	Hipotesis Kedua	61
4.4	Perbincangan Kesantunan	62
4.4.1	Penggunaan Kata Ganti Nama Diri	62
4.4.2	Penggunaan Kata Sapaan	64
4.4.3	Penggunaan Kata / Ayat	65
4.4.4	Penggunaan Ungkapan Khusus	67
4.5	Perbincangan Kesilapan Bahasa	70
4.5.1	Kesilapan Mekanis	70
4.5.2	Kesilapan Morfologi	75
4.5.3	Kesilapan Kosa Kata	78
4.6	Kesimpulan	80

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	81
5.2	Ringkasan Kajian	81
5.3	Dapatan Kajian	82
5.3.1	Analisis Kekerapan Kesilapan Bahasa	82
5.3.2	Analisis Kesantunan Bahasa	85
5.4	Cadangan Mengatasi Masalah Penguasaan Bahasa	86
5.4.1	Pelajar	86
5.4.2	Guru	87





5.4.3	Masyarakat	88
5.4.4	Kementerian Pelajaran	89
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	90
5.5.1	Rumusan	91

RUJUKAN

LAMPIRAN	A	Kesilapan Ejaan
	B	Kesilapan Menulis 'di' dan 'ke'
	C	Kesilapan Imbuhan
	D	Kesilapan Morfologi
	E	Kesilapan Tanda Baca
	F	Kesilapan Penggunaan Kata
	G	Ayat Tidak Santun / Baku
	H	SKR Tulisan Pelajar Tingkatan 4
	I	Surat Kebenaran Menggunakan Perpustakaan
	J	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian





SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SA	Surat Aduan
SKR	Surat Kiriman Rasmi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	38

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
4.1 Analisis Kekerapan Kesilapan Bahasa Mengikut Jantina	55
4.2 Analisis Kekerapan Kesilapan Aspek Mekanis	56
4.3 Analisis Kekerapan Kesilapan Frasa dan Ayat Mengikut Jantina	57
4.4 Analisis Kekerapan Kesilapan Imbuhan	58
4.5 Analisis Kekerapan Kesilapan Morfologi	59
4.6 Analisis Kekerapan Kesilapan Kata Sapaan	59
4.7 Analisis Kekerapan Kesilapan Kosakata	60
4.8 Contoh Kesilapan Kesantunan Bahasa	63
4.9 Contoh Kesilapan Penggunaan Rujukan Hormat	65
4.10 Contoh Kesilapan Penggunaan Kata / Ayat	66
4.11 Contoh Kesilapan Penggunaan Penanda Rujukan	67
4.12 Contoh Kesilapan Penggunaan Penanda Makluman	68
4.13 Contoh Kesilapan Penggunaan Penanda Antisipasi	69
4.14 Contoh Kesilapan Penggunaan Penanda Penamat	70
4.15 Kesilapan Penggunaan Keselarasan Vokal	71
4.16 Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama	72
4.17 Kesilapan Penggunaan Huruf Besar	74
4.18 Contoh Kesilapan Ejaan Imbuhan	75
4.19 Contoh Kesilapan Penggunaan Imbuhan	76

4.20	Kesilapan Penggunaan Penggandaan	77
4.21	Contoh Kesilapan Kosa Kata	78
5.1	Analisis Kekerapan Kesilapan Bahasa Mengikut Jantina	83

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menjadi dasar kandungan projek sarjana pendidikan bahasa Melayu. Dalam bahagian ini, pengkaji membentangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian dan bidang kajian. Turut diperkatakan batasan kajian dan beberapa konsep yang digunakan. Bahagian ini diakhiri dengan pernyataan masalah serta pelan tentatif kajian ini.

Kajian ilmiah ini menghuraikan aspek kesilapan dan kesantunan bahasa dalam Surat Kiriman Rasmi (SKR) tulisan pelajar. Bahasa menjadi wadah penting untuk menyampaikan pendapat, buah fikiran maupun isi hati. Bahasa yang santun melambangkan ketinggian ilmu dan kekayaan budaya sesuatu bangsa. Kerajaan dalam kempen “Penerapan Nilai Budi Bahasa dalam Masyarakat” berusaha menjadikan kesantunan berbahasa sebagai tunjang ketinggian ilmu dan sahsiah masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Penggunaan bahasa Melayu (BM) yang santun



mampu mewujudkan situasi bermakna dalam pelbagai aspek kehidupan seperti berinteraksi, berpolitik, dan berurusniaga.

Asmah (1986:178) menyatakan bahasa merupakan firasat atau petunjuk bagi kebudayaan yang diketahui dan diterima umum. Secara tidak langsung, bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya. Bahasa berfungsi sebagai penghubung yang baik antara manusia atau organisasi yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat melahirkan perasaan seperti suka, duka, kehendak dan keinginan

Kemajuan sesebuah negara, seiring dengan perkembangan bahasa masyarakatnya. Ini kerana sifat bahasa yang mempunyai pelbagai fungsi seperti berfikir (identition), antara peribadi (interpersonal), dan tekstual. Dalam fungsi berfikir, penuturnya memberi pemaujudan dan melahirkan pendapat mengenai sesuatu. Apabila bahasa menjalankan fungsi berfikir, penutur pula berperanan sebagai pemerhati dan penyerap apa yang berlaku di sekelilingnya. Fungsi antara peribadi menunjukkan interaksinya dengan orang lain. Dari sinilah lahirnya berbagai ragam bahasa sama ada pertuturan atau tulisan dalam memenuhi fungsinya itu (Asmah Hj. Omar, 1986:91)

S.Nathesan (1991:14) menyatakan bahasa mampu menjadi alat untuk menjalin perhubungan sesama individu atau dengan masyarakat. Kesantunan dan kesopanan merupakan elemen penting khususnya orang Melayu. Dalam hal ini, masyarakat Melayu sudah lama terkenal sebagai masyarakat yang kaya dengan adap dan sopan. Masyarakat Melayu dikatakan lazim mengungkapkan bahasa secara halus, pertuturan yang sopan dan tertib ketika berinteraksi antara satu sama lain. Umumnya orang yang menggunakan bahasa yang halus dan sopan dikatakan tinggi budi bahasanya.





Tidak ramai yang memperkatakan kemampuan BM sebagai bahasa yang santun. Aspek kesantunan bahasa telah diterapkan dalam Pendidikan Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan memberi penekanan penguasaan bahasa yang bermutu berasaskan ketepatan, kecekapan berbahasa dan kepekaan terhadap variasi bahasa Melayu dalam pelbagai situasi. Bahasa yang indah merangkumi unsur nilai budaya tinggi penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang menepati peraturan bahasa. Sehubungan itu, bahasa bukan sahaja berfungsi menerokai ilmu dan menuntut keupayaan kognitif aras tinggi, tetapi mencakupi hal berkaitan nilai kebudayaan yang menyeluruh.

Kemahiran menulis dan mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran yang perlu dimiliki oleh pelajar khususnya pada peringkat menengah. Aktiviti pengajaran yang menekankan kemahiran menulis dan mengarang untuk menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan pendapat sentiasa dititikberatkan. Pelajar perlu dibimbing menulis secara santun supaya idea dan mesej yang hendak disampaikan lebih tepat dan berkesan.

Za'ba (2000) menyatakan bahasa tulisan dapat dibahagikan kepada dua iaitu BM betul dan BM kacukan. Gaya BM betul memperlihatkan susunan bahasa yang kemas, teratur dan mempunyai maksud yang lengkap, bersifat formal dan hanya digunakan dalam penulisan. Biasanya ia kelihatan janggal apabila digunakan secara lisan. BM kacukan pula tidak terlepas daripada pengaruh asing, terutama pengaruh Arab dan Inggeris. Bukti ini menunjukkan BM sememangnya memiliki ciri kesantunan bahasa dalam tulisannya.

Awang Sariyan (1991:715) menyatakan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar penting kerana mereka bakal menjadi penulis yang mengisi khazanah ilmu dan budaya bangsa. Jika kita menganggap penulisan merupakan sesuatu yang mudah dan



dapat dilakukan tanpa terikat kepada satu bentuk disiplin diri akan melahirkan penulis yang santai. Hal demikian kerana penulis hanya menulis apa yang terlintas di fikirannya, tanpa rasa tanggungjawab terhadap karyanya.

Ann Raims (1983) menyatakan kemahiran menulis dapat melahirkan tatabahasa, idea, perbendaharaan kata dan perasaaan. Pelajar dapat meneroka pelbagai bidang bahasa, malah dapat memperluas pengetahuan, melahirkan idea dan menggunakan seluruh anggota mekanis untuk merangsang pembelajarannya. Pendapat ini disokong oleh Kamarudin Husin (1988:178) menyatakan tulisan ialah bahasa yang bertulis dengan lambang-lambang bunyi. Jika tulisan dibunyikan semua dinamakan bahasa. Tulisan ialah alat untuk melahirkan fikiran dan perasaan yang tersusun berupa rangkai kata dan ayat-ayat.

Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat (2003:3) kemahiran menulis merujuk keupayaan pelajar menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat-ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Aspek yang dijelaskan merupakan elemen-elemen utama mewujudkan kesantunan bahasa. Sehubungan itu kajian ini cuba mengenal pasti komponen kesilapan bahasa yang wujud dan ciri-ciri kesantunan yang diaplikasikan dalam tulisan pelajar dengan memberi tumpuan SKR.

Seterusnya, bahagian ini memperkatakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pengertian konsep dan kesimpulan.



1.2 Permasalahan

Setelah melihat perkembangan pendidikan khususnya peringkat menengah, pengkaji mendapati banyak kesilapan dan ketidaksantunan dalam surat tulisan pelajar. Amalan menulis surat yang kaya dengan nilai kesantunan tidak dipraktikkan malah dipandang remeh. Mereka lebih gemar menggunakan ayat yang ringkas dan tidak gramatis. Amalan demikian menurut mereka bersifat global dan mengikut perkembangan semasa. Apa yang membimbangkan kebanyakan surat kiriman yang ditulis bertentangan dengan nilai budaya. Pelajar juga dikatakan terpaksa akur dengan kehendak peperiksaan yang hanya memberi penekanan kepada beberapa aspek tertentu sahaja.

Pelajar Tingkatan 4 pada asasnya melalui tiga peringkat persekolahan bermula daripada peringkat rendah selama enam tahun hingga menengah selama lima tahun. Jika dinilai secara umum, pelajar Tingkatan 4 bolehlah dianggap golongan yang dapat menguasai BM dengan sempurna. Hal ini demikian kerana matlamat asas pengajaran BM membolehkan para pelajar menggunakan bahasa untuk:

- i) Memahami berbagai bahan lisan dan tulisan dalam bentuk makalah akademik, majalah-majalah, akhbar, ceramah, forum dan menghayati karya kreatif.
- ii) Bertutur dengan fasih dan lancar serta dapat melahirkan perasaan, pengolahan, pendapat dan pengetahuan melalui bentuk lisan dan tulisan dengan menggunakan bahasa yang baik.

Pada dasarnya pelajar peringkat menengah rendah mampu menghasilkan surat, kiriman biasa, SKR, surat jemputan dan surat pesanan yang santun dan berkualiti. Pendedahan kepada penulisan SKR bertepatan dengan keperluan pada masa kini. Kemahiran tersebut merupakan pengalaman awal pelajar sebelum



memasuki pasaran pekerjaan setelah menamatkan alam persekolahannya. SKR dibezakan daripada karangan biasa kerana mempunyai format yang tersendiri.

Dalam pengajaran karangan khususnya SKR, pelajar diminta meluahkan perasaan dan fikiran dalam jangka masa dan jumlah perkataan yang tertentu. Kawalan ini bertujuan agar SKR tidak terkeluar tajuk. Sungguhpun begitu, masih terdapat banyak kelemahan dalam menghasilkan SKR yang bersantun dalam kalangan pelajar. Aspek bahasa seperti struktur bahasa dan ejaan merupakan masalah besar. Ini tidak termasuk persoalan isi SKR yang tidak tersusun, longgar, kurang berasas serta tulisan yang melalaikan aspek tanda bacaan. Senario ini menambah kegagalan menghasilkan SKR yang bersantun dalam kalangan pelajar.

Kegagalan mengarang SKR yang santun sebenarnya berlaku pada setiap peringkat persekolahan. Pelajar menengah rendah dilaporkan lebih kerap melakukan kesalahan berbanding para pelajar peringkat tinggi. Kemungkinan ini berdasarkan mereka belum terdedah secara meluas gaya penulisan SKR yang baik. Tambahan pula mereka mungkin tidak pernah atau jarang menulis SKR untuk kegunaan diri sendiri.

Masalah utama ialah pelajar kerap melakukan kesalahan bahasa dan tidak berusaha memperbaikinya. Kelemahan lain mungkin berpunca daripada kurangnya panduan berhubung dengan penulisan SKR itu sendiri. Pelajar perlu diberikan penjelasan berhubung penulisan SKR. Hal ini sangat ketara apabila pelajar memasuki alam pekerjaan. Jawatan yang disandang berkemungkinan memerlukan mereka menggunakan kemahiran menulis SKR sedangkan pengetahuan mereka amat terbatas.

Kesimpulannya agensi atau badan terlibat seharusnya memainkan peranan yang proaktif mengatasi masalah ini. Kursus dan bengkel penulisan SKR yang santun perlu dijalankan berterusan supaya masyarakat sedar akan kepentingannya. Matlamat akhir pendidikan BM pada peringkat ini untuk melahirkan pelajar yang dapat



menggunakan BM sebagai alat menyatakan buah fikiran yang bernas, berkesan seterusnya dapat difahami oleh khalayak. Untuk memastikan matlamat tersebut tercapai, penguasaan tatabahasa yang sempurna amatlah penting supaya mesej yang hendak disampaikan bermakna

1.2.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah pelaksanaan bahasa Malaysia, dahulunya BM selari dengan sejarah kemerdekaan negara Malaysia. Sebagai negara yang merdeka, Malaysia mempunyai perlembagaan dan kedaulatannya. Di dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (1), terdapat satu ketetapan yang menyebut “bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu”. Kerajaan telah bertindak merancang dan melaksanakan satu dasar pendidikan kebangsaan yang mengarah kepada pelaksanaan penggunaan bahasa Malaysia dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Nuwairi Khazaai (1993) melalui pelaksanaan ini telah mengangkat BM menjadi bahasa negara, bahasa rasmi dan media perhubungan yang utama dalam semua bidang. Akta ini membuktikan keupayaannya yang satu ketika dahulu bahasa kedai kopi membuktikan keupayaannya setanding dengan bahasa lain di dunia ini.

Perkembangan BM begitu pesat sekali hinggan terdapat pula gejala yang negatif. Gejala yang dimaksudkan ialah penyalahgunaan bahasa dan pencemaran bahasa. Banyak kajian menunjukkan masalah ketidakperihatinan pelbagai golongan mengundang kecacatan dalam bahasa Malaysia sendiri.

Awang Sariyan (1991:32) kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis SKR disifatkan sebagai kemahiran yang perlu dikuasai umum. Penulisan SKR bukan sahaja melibatkan fikiran dan pengetahuan tetapi teknik dan gaya perlu dalam





menghasilkan karangan yang bermutu. Penulisan SKR berbeza dengan penulisan lain kerana mengandungi format serta nilai kesantunannya yang tersendiri. Pengucapan dalam SKR perlulah jelas dan dapat menerangkan maksud dengan tepat dan ringkas.

Hassan Baseri (2002:11) menyatakan kemahiran menulis dan mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar. Oleh itu aktiviti pengajaran di bilik darjah yang menekankan kemahiran mengarang mampu menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan pendapat. Oleh itu SKR wajar dimuatkan dalam sukatan pelajaran bagi melatih pelajar-pelajar menguasai bidang ini supaya mereka dapat berfikir secara logik dan menyampaikan hasrat dengan berkesan.

Kedudukan bahasa Malaysia di dalam SKR masih kurang diperkatakan umum. Dengan itu timbul beberapa persoalan. Sejauh manakah bahasa dalam SKR kini betul dan santun sifatnya? Daripada kajian rambang mendapati, wujud kesalahan umum yang dilakukan oleh pelbagai pihak sehingga surat yang ditulis tidak mencerminkan budaya BM. Nik Safiah Karim (1992:82) menjelaskan tahap penguasaan dalam surat menyurat khususnya SKR melebihi 50% berbanding penguasaan bahasa Inggeris dan campuran kurang daripada 20%. Ini bukannya statistik yang dapat dibanggakan. Masih banyak sektor swasta yang tidak menitikberatkan soal kesantunan bahasa dalam SKR. Soal kekeliruan dan penggunaan bahasa rojak menyebabkan prestasi sektor swasta masih belum membanggakan.

Masalah ini perlu ditangani dari peringkat awal. Golongan pelajar merupakan sasaran tepat jika kita ingin menyelesaikan masalah ini hingga ke akar umbi. Ini menjadi pendorong untuk menjadikan kajian ini satu kajian yang ilmiah. Pengkaji berharap agar persoalan kesantunan dalam SKR mendapat perhatian yang sewajarnya daripada semua lapisan masyarakat. Pelbagai pihak turut diharap memainkan peranan



yang proaktif dalam usaha menerapkan unsur kesantunan yang jitu sesuai dengan fungsi bahasa Malaysia sebagai wahana komunikasi yang berkesan.

1.2.2 Kesantunan Bahasa

Kesantunan dalam kajian ini memfokuskan aspek pemilihan bahasa yang indah, sesuai dan tidak menyinggung perasaan. Kesantunan bahasa merujuk kepada sifat-sifat bahasa yang kaya dengan kesopanan dan kehalusan khususnya ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan kepada orang yang dihormati, orang yang setaraf dengan kita atau orang yang lebih rendah kedudukannya.

Dalam bahasa penulisan SKR, perkataan dan ayat yang digunakan hendaklah dipilih secara berhati-hati lantaran perkataan yang santun, sopan dan indah memang seronok dibaca oleh orang lain yang menerimanya. SKR yang santun menggambarkan budi bahasa dan atitud penulisnya. Penggunaan perkataan yang santun dapat menjelaskan maksud SKR yang ditulis. Ketepatan maklumat dalam SKR bergantung kepada pemilihan dan kehalusan kata yang digunakan.

Kesimpulannya kesantunan bahasa merujuk kepada kehalusan dan ketertiban bahasa yang digunakan oleh individu tertentu. Pemilihan bahasa yang sesuai dengan situasi dapat membentuk kesantunan dalam berbahasa. Bahasa yang bersopan melambangkan ketinggian budi pekerti pertuturan, perlakuan maupun tulisan. Individu yang santun perlu memiliki semua kriteria ini sebagai pelengkap. Tidak hairanlah masyarakat Melayu kaya dengan akhlak dan budi pekerti kerana menggunakan bahasa yang kaya dengan kesantunan.

1.2.3 Kesilapan Bahasa

Konsep kesilapan bahasa berhubung kait dengan kesantunan bahasa. Dalam pertuturan yang diutamakan kefahaman dan intonasi, bukan sebutan kosa kata atau binaan ayat yang betul. Jika penutur melakukan kesalahan bahasa dalam komunikasinya dinamakan kesalahan bahasa. Jika kebiasaan yang ‘salah’ dalam bahasa pertuturan dibawa ke dalam bahasa penulisan, ia melakukan kesilapan yang disebut ‘kesilapan bahasa’. Kesilapan bahasa merupakan kesilapan secara sistematik yang dilakukan oleh pengguna dalam penulisan, boleh dikesan pada ejaan, kosa kata, pengimbuhan, binaan ayat dan ungkapan tertentu. Menurut Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor (2004) menyatakan konsep kesilapan bahasa dikatakan berbeza dengan ‘kesalahan bahasa’, yang wujud kerana penggunaannya dipengaruhi kebiasaan menuturkan bahasa ibunda.

Nik Safiah Karim (1980), memberi pendapat secara umum dengan menyatakan kesilapan atau kesalahan bahasa sebagai penggunaan bahasa yang longgar serta melanggar peraturan bahasa yang dipersetujui. Hal ini demikian kerana, pengguna bahasa tidak meneliti aspek sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayatnya.

Kesimpulannya, kesilapan bahasa boleh berlaku kepada penutur natif dan penutur bahasa kedua khususnya dalam penulisan. Kesalahan bahasa lebih berpusat kepada aktiviti lisan berbanding kesilapan bahasa memberi tumpuan kepada kelemahan penggunaan peraturan bahasa yang digunakan dalam penulisan. Amalan menggunakan bahasa yang betul tidak kira dalam komunikasi ataupun tulisan perlu dipupuk agar BM yang dinamik terus terpelihara.

1.2.4 Pernyataan Masalah

Walaupun kerajaan memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam sistem pendidikan negara, kepincangan dalam kemahiran menulis khususnya SKR masih membimbangkan. Pengkaji mendapati wujud beberapa kelemahan dalam penulisan pelajar menyebabkan mereka gagal memperolehi keputusan yang cemerlang.

Antara masalah yang dikenal pasti ialah pembinaan ayat yang tidak gramatis. Kegramatisan ayat yang dihasilkan menjadi ukuran mutu sesebuah karangan pelajar. Jika bahasa yang diolah tidak menarik, ditambah pula dengan kesilapan ejaan, karangan yang dihasilkan sudah tentu tidak berkualiti. Pelajar juga kerap menggunakan perkataan yang tidak tepat. Jalinan fikiran yang logis harus dibuat secara bersepadu. Nilai kesepaduan ini dapat dilakukan dengan pemilihan kata yang sesuai dan tepat. Sebaliknya pemilihan kata yang tidak tepat akan menjejaskan hasil penulisan seterusnya sukar menghasilkan perenggan yang koheren.

Pengkaji juga mendapati pelajar kurang menerapkan laras atau gaya yang sesuai dalam tulisan mereka. Gaya yang dipilih hendaklah disesuaikan dengan pemberatan isu yang diketengahkan. Dalam SKR, pelajar harus menggunakan gaya penulisan yang menggambarkan tujuan SKR itu ditulis. Pemilihan kata hendaklah tepat dan dapat menjelaskan maksud yang hendak disampaikan. Jika maksud SKR mengungkapkan sesuatu kejituan atau ketegasan, gaya dan nada yang tegas juga sesuai digunakan.

Antara masalah utama yang dikenal pasti ialah kelemahan dalam penggunaan tanda baca. Penggunaan tanda baca memainkan peranan penting dalam SKR. Sikap sambil lewa pelajar dalam menggunakan tanda baca amat dikesali. Penggunaan tanda baca yang betul memberi kelainan dalam membaca hasil karangan pelajar.

Terdapat juga beberapa aspek berhubung kesantunan memberi kesan kepada kegagalan pelajar menghasilkan SKR yang baik. Penggunaan kata ganti nama diri antara aspek yang sukar difahami oleh pelajar. Penggunaan kata ganti nama ini memainkan peranan penting membezakan status seseorang. Pelajar juga tidak mahir menggunakan kata sapaan yang tepat. Secara tidak langsung mencacatkan kesantunan bahasa dalam SKR tersebut. Pengaruh bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dalam surat juga memburukkan lagi laras bahasa. Budaya menggunakan bahasa pasar dan pengaruh bahasa Inggeris tidak sesuai dalam usaha pelajar menghasilkan SKR yang berkualiti.

Jelaslah, dalam SKR dapat menggambarkan perasaan pengirimnya terhadap apa yang ingin disampaikan. Pemilihan kata, penggunaan bahasa yang santun dan laras yang sesuai merupakan antara aspek penting menjadikan SKR yang ditulis menepati matlamatnya.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengetahui tahap kesantunan bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan 4 iaitu:

- a. memperlihatkan kesilapan bahasa yang terdapat dalam SKR yang ditulis oleh pelajar;
- b. membuat analisis aspek kesantunan SKR tulisan pelajar dan membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan dengan memberi huraian dan penjelasan lanjut.
- c. Menyarankan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah.

1.4 Kepentingan Kajian

Sejak kebelakangan ini kita sering melihat kesilapan bahasa yang dilaporkan di media massa ataupun media cetak. Malah kesilapan bahasa turut dipaparkan dalam karya-karya penulisan. Masalah ini bukanlah satu perkara baharu, malah telah lama diperjuangkan oleh ahli ilmunan bahasa, namun mendapat sambutan yang dingin. Malah ada pihak yang tidak mengambil berat masalah ini. Oleh itu, bagi menangani masalah ini, usaha yang berterusan haruslah dilaksanakan khususnya pada peringkat sekolah agar masyarakat dapat memelihara kesantunan bahasa khususnya dalam penulisan. Rumusannya, dapatan kajian diharap dapat:

- a. Walaupun guru yang berpengalaman dapat meramalkan kesilapan yang dilakukan pelajar, namun ramalan mereka belum tentu tepat. Ini kerana ramalan mereka bersifat subjektif dan bukan berdasarkan data yang empiris. Akibatnya mereka mungkin tersilap membuat andaian dan menekankan aspek bahasa yang kurang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. (P&P)
- b. Dapatan ini dapat dimaklumkan kepada pelajar seterusnya menilai tahap penguasaan bahasa dan kekerapan kesilapan yang dilakukan. Dengan demikian, diharap mereka akan berusaha untuk mempertingkatkan tahap penguasaan BM yang santun. Usaha kearah meningkatkan tahap penguasaan bahasa amatlah penting dan perlu dimaksimumkan sejajar dengan tuntutan Kementerian Pelajaran iaitu pelajar perlu lulus BM dalam Sijil Pelajaran Malaysia .(SPM)
- c. Dapatan kajian juga berguna kepada guru BM terutamanya guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gedangsa untuk menilai kembali pengajaran mereka dan berusaha meningkatkan mutu P&P untuk menangani



masalah yang timbul. Mereka perlu menyusun strategi pengajaran yang lebih afektif agar mutu kesantunan bahasa bahasa di kalangan pelajar dapat ditingkatkan.. Guru juga dapat menjadikan kajian ini sebagai model untuk melakukan kajian serupa terhadap pelajar mereka tetapi menggunakan aspek yang berlainan.

1.5 Bidang Kajian

Bidang kajian ilmiah ini melibatkan bahasa dan komunikasi. Penelitian dilakukan terhadap sejauh manakah SKR tulisan pelajar tingkatan 4 bersifat santun dan bebas daripada kesilapan bahasa. Penyelidik berusaha mengkaji aspek kesantunan dalam SKR dengan memberi fokus kepada surat aduan (SA). Tumpuan turut diberikan peranan surat sebagai salah satu alat berkomunikasi. Surat yang baik mempunyai nilai bahasa yang indah dan santun.

1.6 Bahan Kajian

Bahan kajian yang digunakan oleh penyelidik merupakan 30 SKR jenis SA tulisan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa yang dijalankan selama seminggu.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menumpukan aspek kesilapan dan kesantunan dalam SKR tulisan pelajar Tingkatan 4 di sekolah yang dipilih, iaitu SMK Gedangsa, Kuala Kubu Bharu,





Selangor Darul Ehsan. Status sekolah yang memiliki enrolmen pelajar kecil di daerah Hulu Selangor menyebabkan pengkaji mengambil 30 pelajar tingkatan 4 yang dipilih secara rawak sebagai kajian.

Tujuan kajian untuk mengenal pasti kesilapan bahasa yang terkandung dalam SKR tulisan pelajar. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan enam komponen utama kesantunan bahasa yang disarankan dalam Format SKR Terkini oleh Sulaiman Masri dan Ahmad Khair (2004) sebagai asas kajian ini, iaitu:

- a. Mekanis.(ejaan, tanda baca, huruf besar, singkatan dan akronim)
- b. Tatabahasa (pemilihan kata)
- c. Sistem panggilan/sapaan
- d. Kosa kata. (kata dasar, kata majmuk, kata istilah)
- e. Imbuhan. (awalan, akhiran, apitan dan sisipan)
- f. Ayat.



Kajian yang dijalankan melibatkan jangka masa seminggu dan menggunakan ukuran komponen bahasa oleh Sulaiman Masri dan Ahmad Khair (2004), Tatabahasa Dewan, di samping menjadikan kajian Corder sebagai landasan.

1.8 Hipotesis Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa hipotesis digunakan:

1. Kebanyakan SKR tulisan pelajar mempunyai pelbagai kesilapan bahasa khususnya ejaan.
2. Pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesilapan bahasa berbanding pelajar perempuan dalam penulisan SKR.





Dua hipotesis ini menjadi landasan dan panduan pengkaji untuk menjalankan kajian di dalam bab seterusnya.

1.9 Pengertian Konsep Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa konsep yang perlu dijelaskan iaitu konsep kesantunan, bahasa, surat rasmi, pelajar Tingkatan 4, hasil penulisan, karangan dan kesimpulan.

1.9.1 Kesilapan

Kesilapan merupakan tingkah laku atau perlakuan yang tidak menepati peraturan tata bahasa kesan daripada gangguan kemahiran, kecekapan dan pengaruh bahasa lain yang melanggar peraturan bahasa dalam tulisan pelajar tingkatan empat.

1.9.2 Kesantunan

Kesantunan merupakan nilai kehalusan dan keterbitan bahasa yang melambangkan ketinggian budi pekerti berdasarkan kesesuaian pemilihan kata dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang diluahkan dalam bentuk tulisan.

1.9.3 Bahasa

Bahasa merupakan salah satu alat berkomunikasi yang digunakan oleh pelajar tingkatan empat untuk berhubung antara guru dan rakan-rakan. Tegasnya, bahasa





ialah sistem lambang bunyi yang dipakai sebagai alat komunikasi dalam lingkungan pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan guru.

1.9.4 Format

Format merupakan susunan bentuk atau kerangka yang selaras dalam SKR tulisan pelajar tingkatan empat. Format dalam surat menentukan maklumat atau perkara yang disampaikan bersifat formal atau sebaliknya.

1.9.5 Surat Kiriman Rasmi

Surat kiriman rasmi ialah surat yang ditulis dalam urusan rasmi yang berkaitan dengan urusan pentadbiran, pengurusan, perdagangan, dan hal semasa ditulis oleh pelajar tingkatan empat bertujuan menyampaikan pelbagai maklumat secara bertulis kepada penerimanya.

1.9.6 Tulisan

Tulisan merupakan hasil ilham, idea dan luahan yang lahir dalam pemikiran pelajar tingkatan empat dan dizahirkan dalam bentuk karangan.

1.9.7 Pelajar Tingkatan 4

Pelajar Tingkatan 4 merupakan golongan remaja yang berumur dalam lingkungan 16 tahun yang belajar di SMK Gedangsa, Kuala Kubu Bharu Selangor yang terdiri





daripada lelaki dan perempuan. Pelajar ini lulus dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2004 dan bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2006. Pelajar inilah yang dipilih dijadikan responden dalam kajian ini.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, perlulah wujud kesedaran menerapkan nilai kesantunan dalam menulis SKR. Walaupun SKR menggunakan bahasa yang ringkas dan tepat, kegagalan menggunakan bahasa yang santun dianggap mencacatkan mutu surat tersebut. Ini memberi gambaran yang kurang baik kepada penulis surat tersebut. Nilai kesantunan antaranya, ejaan, imbuhan, tanda baca dan ayat perlu diberi perhatian yang serius. Guru-guru perlu memainkan peranan dan berusaha mengurangkan masalah kesilapan menulis SKR dalam kalangan pelajar. Penekanan harus diberikan ketika P&P dijalankan. Atas keprihatinan ini, pengkaji memberi tumpuan khusus menganalisis kesantunan bahasa dalam penulisan SKR pelajar.

Bab 1 memperkatakan permasalahan, latar belakang kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, bidang kajian, batasan kajian, hipotesis kajian dan pengertian konsep kajian. Semua aspek yang diperkatakan digunakan untuk bab seterusnya.

